

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Thursday, April 5, 2018 9:11 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: PPA UUM COLGIS ONLINE : DATUK RAZALI MAHFAR BERKONGSI KUNCI KEJAYAAN BERSAMA PELAJAR UUM COLGIS



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

“MUAFAKAT KEDAH”

05 APRIL 2018 / 18 REJAB 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

DATUK RAZALI MAHFAR BERKONGSI KUNCI KEJAYAAN BERSAMA PELAJAR UUM COLGIS



PPA UUM COLGIS ONLINE : Pada 13 Mac 2018 bertempat di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen UUM, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (PPA UUM COLGIS) telah menganjurkan ceramah kerjaya bertajuk “Extraordinary Leadership and Performance of the World's Top Company: Lessons for UUM COLGIS students” yang disampaikan oleh YBhg.

Commander (H) Prof Datuk Razali Mahfar, Chief Consulting Officer dari MYiLEAP. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pelajar UUM COLGIS untuk menjalin hubungan dengan pihak industri dan dapat membantu pelajar UUM dalam meningkatkan kemahiran insaniah, persediaan yang perlu ada sebelum menghadapi cabaran di luar selepas mereka bergraduasi nanti.

Berlatarbelakangkan pendidikan awal dalam bidang kejuruteraan aeronautikal, Datuk Razali Mahfar dikenali sebagai seorang yang memiliki sifat kepimpinan yang luar biasa dan latar belakang kerjaya yang hebat. Beliau telah berkhidmat di pelbagai syarikat multinasional, syarikat tersenarai awam, syarikat berkait kerajaan, institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi dalam tempoh 36 tahun terdahulu. Beliau kini aktif menyediakan perkhidmatan perundingan dan khidmat nasihat untuk pelbagai organisasi dan jabatan kerajaan dan swasta, dalam pelbagai bidang seperti pengurusan strategik, penyelidikan dan pembangunan, pengurusan teknologi, inovasi dan strategi IP, sumber manusia, pembangunan kepimpinan, pendidikan lanjutan dan lain-lain.

Dalam ceramahnya, Datuk Razali menekankan bahawa pelajar mestilah sentiasa bersedia dengan kemahiran penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Selain itu, pelajar juga harus berfikir luas dan berpandangan jauh sekiranya mereka mahu menjadi individu luar biasa. Seseorang yang berfikir luas dan mengharapkan kejayaan akan berusaha 200% untuk memenuhi impian mereka. Selain itu, para pelajar juga diingatkan untuk menambahkan rangkaian kenalan selain daripada rakan-rakan rapat mereka sahaja. Kemahiran rangkaian juga boleh memberikan manfaat terhadap pembangunan kerjaya mereka kelak.

Berkenaan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan Pendidikan 4.0 yang hangat diperkatakan pada hari ini, Datuk Razali mengingatkan bahawa para pelajar tidak patut khuatir kononnya fungsi mereka akan digantikan dengan sistem dan teknologi pada satu hari nanti. Ini adalah kerana sistem dan teknologi tersebut hanyalah alat sokongan untuk manusia mencapai sesuatu objektif. Kita yang menentukan skop fungsi dan aplikasi Teknologi tersebut. Oleh itu, para pelajar diingatkan untuk menerima revolusi dan cabaran IR4.0 dan Pendidikan 4.0 untuk pembangunan dan perkembangan mereka sendiri.

Seramai 150 orang pelajar dan pensyarah daripada pelbagai pusat pengajian di UUM COLGIS telah menyertai ceramah kerjaya ini yang bertempat di Pusat Konvensyen B, Universiti Utara Malaysia. Rata-rata peserta menyatakan bahawa ceramah kerjaya ini telah mencapai objektif pelaksanaannya. Turut hadir dalam program ini adalah Prof. Madya Dr. Rusdi Omar, Dekan PPA COLGIS.

Habis

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)
Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia
Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email :
colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.